

Qalam

Majalah bulanan terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 10 – Mei 1951 – Senaskah 60 sen.

CARA BERTAWAKAL

-----*-----*

Dari sehari ke sehari perasaan luntur mentauhidkan Allah, mengEsakannya itu semakin berkurang yang menjadikan sebab adalah melemahkan sama sekali kepada keyakinan dan kepercayaan mereka kepada kebesaran Allah dan kepada balasan-balasan-Nya sehingga mereka tidak lagi takut mengerjakan larangan-Nya dan tegahannya dan dengan demikian terjadilah perkara berterang-terang melanggar perintah-Nya dijalankan mereka. Kelakuan-kelakuan ini bukannya sahaja dilakukan oleh mereka yang jahil bahkan dilakukan juga oleh yang mengetahui lalu menyerahkan perkara yang demikian itu kepada takdir dengan menyatakan tiap-tiap sesuatu baik atau jahat, senang atau susah semuanya daripada Allah – apa yang mengenai kita telah ditentukan Allah pada azalnya di sana – tidak ada yang mengenai kita melainkan apa yang telah ditentukan Allah atas kita – semuanya telah ditetapkan Allah masing-masing sebelum manusia dijadikan. Oleh itu maka sebahagian daripada orang-orang yang berpendapatan demikian itu terus sahaja melakukan perbuatan-perbuatan itu dan sesekali-sekali mereka berkata bahawa belum tau orang alim akan masuk syurga dan kita yang peminum akan masuk neraka – mudah-mudahan pada akhir hayat nanti Tuhan akan palingkan perasaan hati kita sehingga kita mendapat kebahagiaan.

Tetapi mereka itu lupa bahawasanya Allah telah menyatakan tiap-tiap kecelakaan dan kejahatan yang mengenai kita itu datangnya daripada kita sendiri bahkan Allah menerangkan di dalam beberapa banyak ayat-ayat Quran: Barangsiapa berbuat baik akan dibalas dengan baik dan barangsiapa berbuat jahat

ia akan disiksa. Ini semua menunjukkan kebaikan dan kejahatan itu perbuatan kita sendiri. Daripada yang tersebut ini nampak bahawasanya bagi mereka yang mentauhidkan Allah mengetahui selok belok keadaan kehidupan di dalam mana kehidupannya diletakkan dengan adanya suatu ikhtiar untuk menyelenggarakan dirinya dan di sini menunjukkan bahawa jika tidak ada ikhtiar itu padanya tentulah ia tidak akan disiksa dan hidupnya sama sifatnya sebagai binatang yang melata.

Dengan ini zahir bahawa kejadian manusia itu telah diberi oleh Allah suatu kuasa yang menjalankan daya upayanya untuk membezakan baik dan buruk, bagi menyelamatkan dirinya daripada melakukan kejahatan dan menjauhkan daripada kejahatan itu apabila ia insaf.

Percaya segala sesuatu datangnya daripada Allah itu telah menjadikan orang menyangka bahawa yang demikian adalah perbuatan agama sahaja dan yang demikian ini menjadikan mereka, yang tidak beragama kusut fikirannya memikirkan hal tersebut tetapi apabila kita periksa dengan saksama maka kita akan mendapat hampir-hampir sekalian ahli-ahli agama percaya bahawa jahat dan baik itu ada dengan kadar Allah dan bersama dengan itu mereka percaya manusia itu diberi ikhtiyar memilih antara yang baik dengan jahat. Kalau kita tidak beriktikad begitu sudah tentu kita akan mengerjakan perintah Allah dan hanya mendiamkan diri dengan berpeluk tubuh sahaja. Dengan ini dapatlah disimpulkan pendapat ini seolah-olahnya berkata: Biarkanlah kadar itu berjalan sebagaimana mestinya tetapi marilah kita mengerjakan perintah Allah yang membuat kadar itu.

Di dalam permulaan bangkit Islam berapa banyak orang-orang yang penakut menjadi berani dan gagah menjalankan perintah Allah sehingga banyak yang terbunuh dan binasa. Perbuatan yang mereka lakukan ialah kerana percaya ia tidak akan mati jika tidak ditakdirkan Allah. Dengan itu orang yang berani, jika ia percaya kepada kadar bertambah ia berani dan orang yang kesusahan lekas terhibur hatinya iaitu setelah mereka bersungguh-sungguh menjalankan ikhtiar dan daya upayanya itu, hasil atau tidaknya di dalam kekuasaan Allah.

(Sambungan pada muka 7)

dunia bawah ini dengan orang-orang kayangan itu yang sebenarnya terjadi sekarang, seperti perkahwinan dengan orang kayangan, asal kejadian orang Serani, huru hara kehidupannya siasat dan iktisad, peperangan yang tiada habis-habis berulang-ulang, tamak loba orang kayangan yang menyebabkan sekalian itu, senjata-senjata kesaktian orang kayangan, alam-alam kepandaian orang kayangan, pendita-pendita mereka dan siasatannya, dan lain-lain lagi – iaitu diceritakan dengan cara kiasan dan sindiran hingga boleh jadi beberapa jilid pun.

Satu lagi pula boleh direka dengan nama “Pak Pandir Moden” jadi penyambung cerita “Pak Pandir” kita yang telah sedia itu: Tetapi lain sekali isinya iaitu menggambarkan hal ehwal Melayu yang ada dihadapan kita sekarang – Melayu yang sudah tau bersurat khabar, bertelefon, bermotokar, berradio, bertutur Ingeris, Belanda dan Arab, Melayu yang telah mulai membebaskan anak-anak perempuannya dan lain-lain. Maka bolehlah diperbuatkan daripada angan beratus macam cerita pendek berhubung dengan diri Pak Pandir itu tetapi berasas di atas kejadian yang benar – bagaimana fikirannya dan pemandangannya dan pengalamannya dalam hal kehidupan, serta berbagai-bagai hal serta berbagai-bagai hal pelik yang terjadi kepadanya dan kepada Mak Andir dari sehari ke sehari. Maka di dalam sekalian itu disulamkan pula segala jenis jenaka dan kelakar seperti Aman Belon yang digelarnya “Saudagar Minyak Urat” dan pantun nyanyi syair, gurindam seloka yang setengahnya dipungut daripada pantun gurindam orang tua-tua dan setengahnya diambil daripada hidangan piring-piring peti nyanyi dan suara radio yang kita terdengar hari ini jika cerita ini dikerjakan bersambung-sambung oleh orang-orang kemudian nescaya boleh jadi beberapa jilid pila tiada tamat seperti Hikayat Alif Lailat wa Lilat dan seperti riwayat-riwayat Sirah Antarat dan tiada kurang sedapnya daripada itu.

Demikianlah untuk contoh sahaja sebagai menunjukkan arahan, mudah-mudahan boleh jadi panduan kepada pengarang-pengarang muda kita yang ada kecenderungan ke situ dan yang berusaha bekerja menjalankan Qalam mereka sekarang mengikut kecenderungan mereka itu. (Akan beriring dengan bahagian yang kedua: Karangan syair dan cerita wayang”).

(Sambungan dari muka 3)

Tetapi pada zaman kita ini orang-orang telah tidak mempunyai keyakinan lagi kepada kekuasaan Allah – ia menjadi penakut, ia seolah-olahnya tidak percaya lagi kepada kekuasaan itu. Ia selalu berputus asa, tidak mau menjalankan segala ikhtiarnya dengan sedaya upayanya dengan berharap kelebihan Allah menyampaikannya. Mereka itu menyerahkan segala-galanya kepada takdir – kalau ditakdirkan ia menjadi berani, ia berani, ia maju dan menjadi mulia dengan tidak kelak menjalankan ikhtiarnya, cara berserah yang demikian ini meraka tidak mau pula menyerahkan takdir itu pada tentang makan dan minum. Orang yang berserah seperti itu sepatutnya jangan berikhtiar mencari makan dan minum sudah tentu kepada takdir – kalau ditakdirkan ia mendapat wang nanti dapat dan kalau ditakdirkan akan kenyang ia kenyang dan kalau orang ada berhutang wang kepadanya jangan dituntut dengan alasan kalau ada takdir nanti orang itu akan datang memberi sendiri.

Dengan apa-apa yang tersebut di atas ini maka terzahir perbuatan-perbuatan di dalam kehidupan dan penyelenggaraan hidup itu diberi kekuasaan (ikhtiyar) di tangan kita. Kita tidak mesti jauh memberikan tentang kekuasaan kudrat Allah bagi menentukan kedudukan kita, sebagai mahluk yang diberi daya upaya untuk berikhtiar hendaklah kita hidup mencari daya upaya kita dengan sebulat-bulat tenaga dan ikhtiar kita dengan meyerahkan perolehan-perolehan kita itu kepada kurnia Allah. Segala apa yang kita rancangkan lazimnya tidak akan mengikut sebagaimana rancangan kita sendiri yang menunjukkan bahawasanya kesempurnaan kekuasaan itu di tangan Allah – bukan di tangan kita. Dengan adanya cara-cara ini maka kita diberi kekuasaan berikhtiar bagi menjadi khalifah Allah di bumi ini dengan percaya bahawasanya Allah akan memberi bahagia kalau kita menjalankan apa yang apa yang diperintahkan-Nya.

Dengan demikian maka segala daya upaya kita itu mesti kita jalankan, ikhtiar kita itu mesti kita sempurnakan sedang hasilnya atau pun natijahnya itu terpulang kepada kekuasaan Allah adanya.